

# Inspirasi Alam Dalam Artifak Budaya Masyarakat Iban Di Sarawak

## *The Inspiration of nature in the Iban Cultural Artifacts at Sarawak*

Gregory Kiyai @ Keai<sup>1</sup>

<sup>1</sup> Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Universiti Malaysia Sarawak

### Article progress

Accepted: 31 March 2020

Reviewed: 14 May 2021

Published: 30 November 2021

\*Corresponding author:

Gregory Kiyai @ Keai

Fakulti Seni Gunaan dan  
Kreatif, Universiti Malaysia  
Sarawak

Email:

[gregory\\_kiyai@yahoo.com](mailto:gregory_kiyai@yahoo.com)

**Abstrak:** Artifak budaya adalah merupakan komponen yang penting dalam kebudayaan masyarakat Iban di Sarawak, terutamanya dalam mencitrakan identiti bangsa. Sifatnya yang berfungsi sebagai objek yang digunakan dalam tujuan sosial, politik dan ekonomi. Kajian ini adalah bertujuan untuk membincangkan pengaruh alam sekitar dalam kebudayaan masyarakat Iban terutamanya dalam budaya mencipta benda objek budaya yang menjadi warisan dan pusaka mereka secara turun temurun. Fokus penyelidikan adalah membincangkan dan menilai inspirasi alam membentuk dalam mempengaruhi idea penciptaan artifak budayanya. Reka bentuk penyelidikan ini adalah bersifat etnografi yang memfokuskan kepada artifak budaya benda dengan menggunakan kaedah pengumpulan data melalui kerja lapangan, dokumentasi dan temubual. Hasil penyelidikan mendapati bahawa artifak Iban secara dominannya banyak dipengaruhi oleh unsur-unsur alam dalam material pembuatannya, nilai estetika seni pada artifak dan kepercayaan dalam artifak tersebut. Kepentingan penyelidikan ini adalah sebagai sebuah usaha untuk mengwujudkan satu perspektif ilmu dalam bidang material budaya peribumi di Sarawak iaitu masyarakat Iban.

**Kata Kunci:** Alam, Artifak, Budaya, Iban, Sarawak

**Abstract:** Cultural artifacts are an important component in the culture of the Iban community in Sarawak, especially in portraying the identity of the nation. Its nature serves as an object used in social, political and economic purposes. This study aims to discuss the influence of the environment in the culture of the Iban community, especially in the culture of creating cultural objects that are their heritage and heritage for generations. The focus of the research is to discuss and evaluate the inspiration of the shaping nature in influencing the idea of the creation of its cultural artifacts. The design of this research is ethnographic in nature that focuses on the cultural artifacts of objects by using data collection methods through fieldwork, documentation and interviews. The results of the research found that Iban artifacts are predominantly heavily influenced by the elements of nature in their manufacturing materials, the aesthetic value of art on the artifacts and the belief in the artifacts. The importance of this research is as an effort to create a perspective of knowledge in the field of indigenous cultural materials in Sarawak, namely the Iban community.

**Keywords:** Nature, Artifacts, Culture, Iban, Sarawak

## Pengenalan

“Alam membentuk manusia, manusia membentuk kebudayaan”. Umumnya, penyelidikan mengenai alam sekitar dalam mempengaruhi kebudayaan dan kepercayaan manusia kini bukanlah sebuah penemuan yang baharu dalam bidang antropologi dan sosiologi manusia. Pelbagai pendapat dan teori yang telah

diusulkan oleh sarjana dunia dari pelbagai disiplin ilmu dalam membincangkan etnografi manusia yang mewujudkan ketamadunannya bermula dari alam sekitar. Manusia sejak beribu-ribu tahun yang lampau telah menggunakan alam sebagai sumber kehidupan, baik dari segi memperoleh makanan, berlindung untuk hidup, jaringan transportasi, tempat perlindungan, membentuk kebudayaan sehinggalah membawa kepada kewujudan

kepercayaan dalam diri manusia. Proses-proses tersebut mengambil masa yang panjang untuk manusia memahami keadaan alam melalui proses migrasi, adaptasi dan pemerhatian. Fenomena itu turut diungkap oleh Taufik (2019) berdasarkan Buss (2009) mengatakan pandangan Darwin dalam teori survivalnya iaitu “Bukan spesies yang kuat atau paling cerdas mampu yang mampu bertahan untuk kelangsungan hidup, tetapi spesies yang mampu untuk beradaptasi terhadap perubahan sekeliling”. Melalui pernyataan tersebut, yakni bahawa kebudayaan yang wujud dalam amalan masyarakat kini adalah dihasilkan dan diperjuangkan oleh spesies-spesies yang mampu untuk beradaptasi dengan lingkungannya dalam membangunkan ketamadunan hidup manusia.

Sejak dahulu lagi mencipta adalah naluri semulajadi manusia yang mana terlahir daripada pengamatan dan pemerhatian. Perkembangan penciptaan artifak adalah berlaku dalam tempoh jangka masa pendek atau jangka masa panjang bergantung dengan adaptasi sesebuah kumpulan masyarakat tersebut. Fungsi artifak budaya juga tidak hanya terbatas kepada penggunaan harian sahaja, bahkan turut berupaya menjadi perlindungan diri daripada ancaman musuh dan sebagai manifestasi kepercayaan sesebuah masyarakat. Penciptaan produk domestik adalah lumrah manusia untuk meneruskan kehidupan manusia lampau. Ini membuktikan kepada kita bahawa masyarakat peribumi telah berjaya menyambung hayat mereka berdasarkan kesesuaian produk, sejak dahulu lagi, mereka sudah pandai membuat barangan utiliti untuk tujuan kehidupan harian mereka. Oleh itu, makalah ini adalah memfokuskan untuk melihat pengaruh alam sekitar dalam membentuk penciptaan objek budaya masyarakat Iban di Sarawak yang telah menjadi identiti budaya bagi kumpulan etnik terbesar di Negeri Bumi Kenyalang tersebut.

## Perbincangan Lepas

Menurut Zapf (2016) berdasarkan Wallace & Armbruster (2001) alam sekitar adalah suatu entiti yang sangat luas dan amat penting dalam kehidupan manusia. Pengertian alam sekitar tidak hanya merujuk kepada persekitaran semulajadi dan belantara sahaja. Alam sekitar sebenarnya meliputi landskap yang dibina dan ditanam, elemen semulajadi serta interaksi budaya dengan alam semulajadi. Justeru itu, pengertian alam sekitar dapat dibahagikan kepada dua iaitu alam sekitar yang dicipta oleh tuhan (alam biotik) dan alam sekitar yang dibentuk dan diubah oleh manusia (alam abiotik).

Alam sekitar menjadi sebuah pusat pembelajaran bagi umat manusia dalam mengembangkan kebudayaan dan kepercayaan mereka. Menurut Hasanuddin (2015) perbincangan pengaruh alam sekitar dalam kebudayaan masyarakat di Nusantara telah lama dibincangkan dalam

idea-idea penyelidikan lepas, antara falsafah budaya yang dirasakan dekat dengan penyelidikan ini adalah sebuah kerangka idea yang dipelopori oleh Navis pada tahun 1984 yang mengemukakan idea berdasarkan pepatah Minangkabau iaitu “*alam takambang jadi guru*”. Idea tersebut melihat bahawa kewujudan kebudayaan yang diwarisi dan diamalkan oleh masyarakat pada hari ini adalah berawal daripada alam sekitar yang menjadi penempatan mereka. Navis melihat bahawa alam sekitar adalah merupakan tempat yang mengajar manusia dalam mengembangkan kebudayaan mereka dari segi warisan ketara dan tidak ketara.

Kenyataan Navis tersebut turut disokong oleh Adilawati & Noria (2019) mengatakan falsafah alam dalam bahasa dan budaya masyarakat Minangkabau adalah dikaitkan dengan pemikiran Hamka yang mendorong kepada idea-idea Navis. Hamka berfikir bahawa kehidupan manusia dengan alam seperti yang dinyatakan “alam terbentang luas dan manusia hidup di dalamnya”. Melalui kurnia pancaindera dan akal yang boleh berfikir, manusia dapat menyaksikan alam dari segala sudut termasuklah perubahannya dan tingkahlakunya. Pemikiran manusia yang mencapai aras tinggi dalam intelektual mereka telah berupaya mencipta dan mengwujudkan kebudayaan ketara dan tidak ketara. Kebudayaan ini telah berkembang dengan pesat sesuai dengan pengembangan tamadun manusia dalam hidup dan telah diwarisi secara generasi ke generasi.

Menurut Storey (2018) berdasarkan kepada Brown (2000) budaya manusia berkembang melalui pengalaman yang dipelajari, diperolehi melalui masyarakat yang tinggal bersama setiap hari. Transisi budaya boleh dipindahkan secara formal dan *informal* iaitu melalui lisan, bukan lisan atau contoh peribadi. Menurut Sunarti (2019) berdasarkan kepada Koentjaraningrat (1975) mengatakan kewujudan budaya adalah didasari kepada tiga kewujudan utama. Pertama, wujud dalam satu kompleks dari idea-idea, norma-norma peraturan dan seumpamanya; kedua wujud sebagai kompleks aktiviti kelakuan berpola dari manusia dan masyarakat; ketiga wujud sebagai benda-benda hasil karya manusia. Selain itu, menurut Kiyai & Tugang (2020) budaya adalah sebuah kepercayaan, nilai-nilai, tingkah laku dan objek kebendaan yang dikongsi bersama oleh sekumpulan penduduk yang tertentu. Kewujudan budaya dapat dibahagikan kepada dua iaitu, budaya kebendaan dan bukan kebendaan. Budaya kebendaan merujuk kepada ciptaan manusia yang nyata dan jelas yang merangkumi segala objek yang dicipta dalam masyarakat seperti bangunan, seni, peralatan, alat permainan, media cetak, dan media elektronik dan objek-objek lain yang tegas dan nyata. Menurut Gerritsen & Riello (2021) budaya bukan kebendaan pula merujuk kepada ciptaan manusia yang tidak nyata dan tidak jelas yang meliputi norma, undang-undang dan kepercayaan

suatu kumpulan masyarakat. Budaya sesebuah masyarakat adalah pandangan daripada sekumpulan idea dan kebiasaan yang dipelajari, dimiliki, dan diwariskan daripada generasi ke generasi.

Menurut Pearce (2017) berdasarkan kepada model Fleming (1974) budaya benda diterjemahkan dalam pelbagai bentuk iaitu merangkumi objek, artifak dan benda, namun definisi budaya benda yang jelas adalah merujuk kepada objek yang diperbuat dan digunakan oleh manusia dan disesuaikan dengan konteks budaya, kepercayaan dan nilai kehidupan yang membentuk identiti dan kelestarian sesebuah kelompok masyarakat. Menurut Kiyai & Tugang berdasarkan kepada Dant (2007) budaya material merujuk kepada benda-benda fizikal yang dikelilingi oleh manusia dan mempunyai makna bagi anggota kumpulan masyarakat dalam budaya. Kadang-kadang benda material hanya dikumpulkan dari alam semula jadi dan penggunaan sumber bahan tersebut telah dihasilkan menjadi bentuk yang berguna atau menarik atau kedua-duanya. Contohnya, pakaian, alat, perkakas, alat, perhiasan, gambar, perabot, bangunan, dan peralatan lain adalah budaya materialnya terutamanya dalam disiplin ilmu seperti arkeologi dan antropologi yang memberikan data mentah untuk memahami masyarakat yang berbeza.

Menurut Arifin (2015) dalam Frank Hole et al. (1990) pembuatan artifak adalah sebagai suatu cara manusia untuk memenuhi keperluan asas bagi mendapatkan makanan, tempat tinggal, dan perlindungan dari musuh. Idea penciptaan artifak akan sentiasa berubah-ubah mengikut keperluan hidup manusia dan tidak statik. Manakala menurut Anderson (2021). dalam Tuan (1980) artifak adalah objek yang dibuat oleh manusia berdasarkan seni dan kemahiran. Penciptaan artifak adalah disebabkan oleh pengalaman, adaptasi, dan juga persekitaran. Ciri-ciri penciptaan artifak tidak terlalu besar ataupun berbentuk sastera tetapi sesuatu yang nyata dan dapat dipegang menggunakan anggota badan manusia. Selain itu, artifak merupakan objek yang pernah digunakan suatu masa dahulu oleh manusia dalam pelbagai fungsi. Menurut Li (2016) berdasarkan Habermas (2001) artifak adalah merupakan sebuah objek budaya yang merupakan bahagian dalam persekitaran hidup manusia. Kumpulan artifak budaya ini dapat dikonsepskan sebagai budaya asas, media tradisi, dan perubahan dalam evolusi teknologi manusia. Selain itu, artifak berupaya untuk melambangkan struktur dan sosial kehidupan manusia dalam objek ritual dan agama. Menurut Kiyai & Tugang (2020) berdasarkan Jais et al. (2007) artifak adalah merupakan hasil modifikasi manusia terhadap sesuatu bahan alam seperti batu, tanah, kayu, logam dan bahan fiber dalam mewujudkan idea, teknik dan kemahiran untuk hidup.

## Masyarakat Iban

Masyarakat Iban dipercayai merupakan antara kumpulan etnik terawal yang wujud di Kepulauan Borneo, berdasarkan kepada penyelidikan genetik Simonson et al. (2011) Beliau mengatakan migrasi awal manusia melintasi laluan darat Sundaland yang menghubungkan daratan Asia Tenggara telah berlaku kira-kira 45, 000 sehingga 50, 000 tahun yang lalu. Bukti persampelan genetik mencadangkan bahawa teori yang mengatakan bahawa masyarakat Austronesia berasal dari selatan Taiwan adalah sangat rendah. Penyelidikan terbaru menunjukkan berdasarkan kepada analisis DNA telah menyimpulkan bahawa migrasi dari daratan Asia Tenggara hanya berlaku dalam jajaran yang sama. Diramalkan bahawa beberapa garis keturunan yang dikaitkan dengan migrasi prasejarah zaman ais batu terakhir telah mewujudkan satu gelombang penghijrahan iaitu melalui garisan pantai SEA (*South East Asia*). Masyarakat Iban dipercayai antara yang terlibat dalam migrasi awal tersebut berdasarkan kepada penemuan fosil manusia pramitif yang telah digali berdekatan dengan penempatan moden rumah panjang masyarakat di Gua Niah menyakini bahawa masyarakat Iban telah wujud sekitar period tersebut.

Menurut King (2017) dalam Appell (2001) mengatakan keunikan dan kepentingan budaya masyarakat Iban dalam penelitian etnografi etnik di Borneo telah diperhatikan semasa zaman penjajahan kolonial dan berlarutan sehingga kini. Masyarakat Iban digambarkan sebagai etnik yang berani, optimis, hidup dalam keadaan berkelompok dan mempunyai sistem pentadbiran sosial secara tradisional serta agresif. Pekara ini telah dijelaskan oleh (Sutlive, 1992: Sandin & Sather: 1994 dan Osup, 2019) mengatakan bahawa masyarakat Iban merupakan etnik pribumi yang paling agresif dari semua penduduk pribumi di Borneo. Mereka dianggap sebagai etnik yang kuat, yakin diri dan selalu beperang dengan satu sama lain atau dengan etnik lain dalam meluaskan kuasa dan mencari kawasan penempatan. Masyarakat Iban dilihat sebagai etnik pribumi yang bersifat *homogen* (sejenis sahaja) iaitu tidak ada suku-suku tertentu kecuali dibezakan mengikut batang sungai yang menjadi penempatan mereka. Masyarakat Iban adalah merupakan etnik yang dipercayai menggunakan bahasa yang sama dan mewarisi nilai, tradisi. Kepercayaan, adat resam serta kebudayaan yang sama (Baginda & Bala, 2018: Kiyai et al. 2020).

## Material Budaya Iban

Menurut Sellato (2017) Keunikan budaya dan daya hidup masyarakat Iban yang optimis telah membawa para penyelidik dari dalam dan luar negara untuk mengkaji masyarakat dan budaya Iban, bukan sahaja membuat catatan etnografi untuk generasi namun turut menyelidik apakah bentuk sumbangan yang akan dibuat oleh

masyarakat Iban terhadap teori sosial. Sejak berakhirnya Perang Dunia II telah muncul, beberapa penyelidik tempatan dalam kalangan masyarakat Iban seperti Benedict Sandin ‘yang paling berkuasa dalam sejarah dan budaya orang-orangnya’ (gelaran yang diberikan oleh Pringle dalam bukunya pada tahun 1970), bekas kurator dan pengarah Muzium Sarawak, Tan Sri James Jemut Masing (pakar dalam upacara ritual Gawai Iban), pengarah Muzium Sarawak Dr. Peter Kedit (yang memperkenalkan konsep ‘Bejalai’ dalam kebudayaan Iban) dan Datuk Puan Sri Empiang Jabu dan Datin Amar Margaret Linggi (yang menguasai ilmu dalam seni tenunan Iban). Walaupun penyelidikan mengenai masyarakat Iban kini menjadi dokumentasi yang paling teliti dan lengkap dari mana-mana masyarakat di Borneo, namun masih banyak kebudayaan yang harus diterokai dalam melihat perkembangan masyarakat ini dalam sumbangan teori sosial.

Berdasarkan King (2017) dalam Tillotson (1994) koleksi muzium berdasarkan dari tarikh dan zaman adalah merupakan sebuah bukti visual dalam kebudayaan masyarakat peribumi. Tujuannya adalah untuk mengkaji proses pembinaan identiti etnik dan perubahan amalan serta perbandingan ekspresi material budaya yang digunakan berteraskan zaman. Pendekatan yang digunakan bulanlah untuk menunjukkan status quo dalam kumpulan masyarakat tetapi sebagai manifestasi proses penakrifan yang berterusan masyarakat peribumi atau kumpulan etnik Dayak. Beberapa tahun kebelakangan ini, bentuk seni tradisional dan budaya material tidak dihasilkan semata-mata untuk kelompok sosial tertentu atau bagi membezakan diri mereka di peringkat tempatan, tetapi paparan tradisionalisme telah menjadi sebahagian daripada proses pengenalan nasional dan kebanggaan terhadap kepelbagaian warisan budaya. Setelah berakhirnya Perang Dunia II pada tahun 1945, amalan tradisional dan kepercayaan masyarakat Iban telah berubah, sekumpulan besar dari etnik tersebut telah memeluk agama Kristian yang dibawa ketika era Charles Brooke. Ini secara tidak langsung, banyak mengubah idea-idea budaya dari etnik tersebut yang dahulunya mementingkan amalan nenek moyang mereka kemudian berubah mengikut kepada perubahan yang telah dibawa oleh kolonial British ke Sarawak. Masyarakat Iban dilihat telah menjalani kehidupan yang lebih moden sesuai dengan perubahan globalisasi masa kini (Postill, 2017).

Menurut Kiyai & Tugang (2020) dalam Tugang (2011) terdapat dua jenis kebudayaan dalam masyarakat Iban iaitu budaya benda yang melibatkan artifak yang dikenali sebagai warisan ketara dan budaya bukan benda yang disebut sebagai warisan tidak ketara. Budaya benda mempunyai ruang lingkup yang amat luas kerana meliputi bahan fizikal yang berkaitan dengan kebudayaan. Artifak budaya ini mempunyai komponen yang lengkap tentang kaedah penggunaannya dan mempunyai pantang

larangnya tersendiri. Senario ini telah diwarisi secara turun temurun oleh masyarakat Iban dan telah menjadi identiti dan jati diri mereka. Menurut Kiyai & Tugang (2020) artifak budaya dalam masyarakat Iban dapat dikategorikan kepada dua iaitu warisan dan pusaka. Terma-terma ini dilihat berdasarkan kepada penghasilan dan pemerolehan artifak budaya tersebut. Terma ‘warisan’ dalam konteks kebudayaan Iban adalah merujuk kepada warisan, termasuklah objek yang dikongsikan dan dimiliki bersama-sama oleh masyarakat Iban dan diwarisi kearifan tempatan dari segi pembuatan, idealogi dan signifikannya. Manakala pusaka adalah merujuk kepada harta pemilikan sendiri dan diperolehi dari kegiatan ekonomi seperti jual beli, upah, pembayaran denda atau sistem tukar barang. Objek budaya tersebut selalunya diwarisi dalam garis keturunannya sahaja dan dianggap mempunyai nilai materialistik yang signifikan.

## Metodologi

Kaedah penyelidikan ini adalah berbentuk etnografi yang memfokuskan kepada artifak budaya masyarakat Iban di Sarawak. Pengumpulan data bagi penyelidikan ini adalah menggunakan tiga kaedah utama iaitu kerja lapangan, pemerhatian dan temubual.

Penyelidik telah melakukan kerja lapangan ke dua tempat iaitu dalam Muzium Sarawak dan rumah-rumah panjang yang menjadi penempatan masyarakat Iban. Kerja-kerja lapangan ini dijalankan secara berfasa dan beberapa daerah seperti daerah Sri Aman, Betong, Lubok Antu dan Limbang telah dipilih sebagai lokasi penyelidikan. Tempoh masa kerja lapangan ini adalah dijalankan selama setahun iaitu bermula pada Januari 2019 sehingga awal Disember 2019. Umumnya, masyarakat Iban itu adalah bersifat homogen (sejenis) iaitu tidak memiliki suku-suku tertentu namun dibezakan berdasarkan kepada batang sungai yang menjadi penempatan mereka pada hari ini. Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah memilih kumpulan-kumpulan masyarakat Iban dari Batang Lupar (Sri Aman), Batang Saribas (Betong), Batang Ai (Lubok Antu) dan Bilak Sedik (Migrasi Iban yang baharu). Tujuannya adalah untuk mendapatkan pelbagai variasi data dan pandangan masyarakat Iban berdasarkan kepada batang sungai (identifikasi masyarakatnya) terhadap artifak budaya yang menjadi kebudayaan mereka sejak turun temurun.



**Gambar 1:** Kerja lapangan ke rumah panjang Iban (Lokasi: Sri Aman dan Lubok Antu, 2019)

Dalam penyelidikan ini, penyelidik telah melakukan kaedah dokumentasi di dua tempat iaitu dalam Muzium Sarawak (penstoran, muzium tekstil, galeri Urang Sarawak dan makmal konservasi) dan rumah panjang masyarakat Iban. Proses dokumentasi ini memfokuskan kepada tiga fokus utama iaitu artifak sebagai objek budaya Iban dan kerja-kerja konservasi serta fungsi artifak dalam kebudayaan Iban. kaedah dokumentasi ini dilakukan dengan menggunakan kamera DSLR (*digital single-lens reflex*) dan kamera telefon pintar jenama OPPO F1S. Selain mendokumentasi artifak dan kerja-kerja konservasi, pendokumentasian menggunakan kamera turut merakamkan gambar penyelidik bersama-sama informan semasa melakukan kaedah temubual. Gambar-gambar tersebut telah diambil secara rawak atau diambil secara teratur. Penyiaran gambar wajah informan adalah telah melalui persetujuan dan kebenaran dari mereka untuk tujuan penyelidikan dan penerbitan.



**Gambar 2:** Dokumentasi artifak budaya Iban dalam Muzium Sarawak


Bagi kaedah temubual telah dijalankan secara berkumpulan iaitu memfokuskan kepada golongan masyarakat Iban yang tinggal di rumah panjang. Pemilihan informan adalah berdasarkan kepada dua kategori iaitu pemegang adat yang terdiri daripada kumpulan Lemambang (pendeta) iaitu sebanyak tiga orang yang berasal dari daerah yang berbeza, manakala seorang Tukang Sabak (wanita yang meratapi kematian), seorang Penghulu serta empat orang Tuai Rumah (ketua kampung). Kumpulan pertama ini adalah merupakan individu yang mahir dan sering dijadikan rujukan oleh masyarakat Iban di rumah panjang berkaitan dengan adat istiadat Iban. Selain itu, informan seperti lemambang dan Tukang Sabak dikatakan ‘mabu antu’ (dekat dengan dunia ghaib), di mana mereka berperanan sebagai pengantara utama dalam komunikasi masyarakat Iban dengan dunia ghaib dan mengetuai setiap upacara ritual seperti *Begawai* dan *Miring*





**Gambar 3:** Temubual bersama-sama dengan masyarakat Iban (lokasi: Lubok Antu, 2019)

Sebanyak 8 orang kumpulan informan yang telah ditemubual berusia dari anggaran umur 45 tahun dan ke atas. Kumpulan-kumpulan ini adalah merupakan individu yang pernah menghasilkan serta mengetahui akan kebudayaan objek budaya tersebut berdasarkan fungsi, pantang-larang dan signifikannya dalam hidup masyarakat Iban. Selain itu, sesetengah dari mereka mempunyai pengetahuan artifak budaya Iban dari sudut sejarahnya, tradisi lisan dan kegunaannya di masa lampau. Di mana mereka mendapatkan maklumat tersebut melalui ingatan memori yang diceritakan oleh datuk nenek atau ibu bapa mereka terdahulu. berdasarkan kepada kaedah pengumpulan data secara kolektif memori.




**Rajah 1:** Proses pengumpulan data berdasarkan memori manusia (diubahsuai daripada proses penyelidikan, 2019)

Pengumpulan data secara kolektif memori menurut Halbwachs (2020) kolektif memori adalah satu ingatan kolektif yang pada dasarnya merupakan penyusunan semula masa lalu dan menyesuaikan imej, kepercayaan, dan pengalaman tersebut dalam masa kini. Penggunaan konsep kolektif memori berdasarkan kepada Cotterrell (2017) yang berpendapat bahawa memori manusia dapat diturunkan dalam pelbagai bentuk iaitu melalui memori refleksi, memori generasi dan memori tradisi telah menjadi asas kepada pengumpulan data di lapangan. Pengumpulan data temubual tersebut telah menggunakan teknik criterion sampling iaitu kaedah pemilihan informan yang bertujuan untuk mendapatkan informan yang sesuai dengan kriteria yang ditetapkan oleh penyelidik iaitu berdasarkan pengalaman, pengetahuan budaya dan kepakaran.

### Dapatan Dan Perbincangan Penyelidikan

Hubungan alam sekitar dengan kebudayaan masyarakat Iban telah lama dibincangkan oleh penyelidik dalam ilmu antropologi. Bagi masyarakat Iban di Sarawak, mereka telah membangunkan kebudayaan nenek moyang ini sejak ratusan tahun yang lalu dengan menerima pengaruh yang sangat dominan daripada alam yang menjadi habitat mereka. Pengaruh alam sekitar dalam objek budaya masyarakat Iban di Sarawak dapat diperhatikan kepada tiga elemen budaya iaitu material dan pembuatannya, estetika seni dan kepercayaan masyarakatnya berdasarkan kepada rajah 1.



**Rajah 2:** Hubungan alam dan artifak budaya Iban

Berdasarkan kepada Rajah 2 adalah melihat bagaimana alam telah membentuk masyarakat Iban dan kemudian mengembangkan idea-idea tersebut dalam

konsep penciptaan artifak budaya Iban. Hasil dari hubungan tersebut telah mengajar masyarakat Iban untuk membangunkan artifak berdasarkan kepada kearifan tempatan mereka iaitu dalam memilih material dan teknologi pembuatannya berdasarkan alam. Hubungan di antara masyarakat Iban dengan alam telah mengembangkan minda mereka dalam berkreativiti untuk menghasilkan estetika seni terhadap objek yang dicipta bagi menyuntik elemen-elemen keindahan, cantik dan menarik. Idea-idea tersebut telah dikembangkan menjadi lebih besar iaitu telah memasukan unsur-unsur kepercayaan yang bersifat sakral dan penuh mistik bagi menjadikan artifak budaya tersebut berfungsi secara penuh dalam amalan masyarakatnya. Idea-idea dalam kepercayaan tersebut telah diadaptasi daripada elemen-elemen alam sekitar dan telah diceritakan secara turun-temurun oleh nenek moyang masyarakat Iban.

### Material dan pembuatan

Artifak yang diperbuat daripada bahan alam adalah dikenali sebagai objek budaya organik. Bahan-bahan utama yang digunakan untuk membuat objek budaya organik adalah terdiri dari tumbuhan, kayu dan fizikal haiwan (tulang, gigi, sisik dan kuku). Artifak jenis ini adalah sangat rapuh dan memiliki jangka hayatnya yang agak singkat berbanding dengan artifak *non-organik*. Dalam setiap kebudayaan sesebuah masyarakat, artifak yang diperbuat daripada bahan organik merupakan asas kepada penciptaan objek dan perkembangan inovasi kreatif manusia dalam menghasilkan sesebuah objek yang berfungsi. Perkara ini adalah dipengaruhi oleh sumber organik mudah untuk dijumpai disebabkan berada dalam lingkungan penempatan sesebuah masyarakat tersebut. Oleh sebab itu, kebanyakan flora dan fauna yang dijumpai dalam material pembuatan artifak organik adalah merupakan hasil alam yang mudah dijumpai dan dikenali dalam budaya masyarakat setempat. Dalam artifak budaya Iban, terdapat beberapa jenis objek yang telah dikenalpasti diperbuat daripada bahan-bahan alam semulajadi iaitu seperti pada jadual 1.

**Jadual 1:** Artifak Budaya Organik Masyarakat Iban

Kategori	Jenis Artifak	Material	Pembuatan
Tekstil	Pua, baju burung, selampai dan sirat	Taya, Engkerabai, Tarum, dan daun renggat	Menenun dengan teknik tanchang, karap, sidan dan sungkit

Anyaman	Tikai, bakul, ketapu	Bemban, rotan, widan dan kerupuk	Menganyam dengan teknik anyam bebuah atau anyam baloi
Ukiran	Terabai, ukir kenyalang, pentik, tope ng Iban dan keranda	Tebelan dan teras	Memotong, menebuk, mengukir, dan mewarnakan

Material dan pembuatan artifak budaya ini adalah merupakan sebuah kearifan tempatan yang terdapat dalam kebudayaan masyarakat Iban. Mereka telah mempelajarinya dari nenek moyang mereka dan diwarisi dari generasi ke satu generasi yang lainnya. Sebagai sebuah masyarakat yang hidup dalam komuniti, golongan yang lebih tua telah membuat persediaan dalam hidup anak-anak mereka semasa dari usia kecil untuk melengkapkan sebuah ilmu yang praktikal setelah mereka dewasa kelak. Menurut informan Gabi Uri (56 tahun) sejak berumur 10 tahun lagi anak-anak perempuan Iban telah diajar dan didedahkan dengan proses menenun kain. Mereka akan diajar bermula dari asas menenun dengan melakukan tenuous yang mudah dan ringkas sebagai awal proses pembelajaran tidak formal di rumah panjang. Proses pembelajaran dalam menenun adalah secara berperingkat-peringkat mengikut umur seseorang wanita, sekiranya mereka mencapai status mahir akan dipandang tinggi dalam sosial masyarakat Iban. Tujuan masyarakat Iban mengalakkan anak-anak gadis mereka agar mahir bertenun adalah apabila dewasa kelak, anak perempuan tersebut akan berkahwin dengan lelaki yang berasal dari keluarga yang baik-baik sahaja kerana kepakarannya dalam menenun (Gabi Uri, 2019).

Kemahiran wanita dalam menenun adalah sesebuah perkara yang sangat penting dalam kebudayaan masyarakat Iban di rumah panjang. Wanita yang telah mencapai status mahir dan mampu menenun dalam jangka masa yang cepat akan digelar sebagai Indu Takar, Indu Ngar (gelaran wanita mahir). Menurut informan Seli Akun (48 tahun) wanita yang telah mencapai dalam status mahir diibarat telah melengkapkan perjalanannya sebagai seorang wanita yang ideal berdasarkan kepada sosok dewi yang menjadi panutan dalam setiap kalangan wanita Iban iaitu Dewi Kumang (Seli Akun, 2019). Menurut informan Abang Entrey (80 tahun) Dewi Kumang digambarkan dalam kesusasteraan tradisional Iban sebagai sebuah sosok wanita yang cantik, berkulit

putih, berambut panjang dan mahir dalam menenun dan menganyam. Selain itu, beliau dikatakan mempunyai perwatakan yang sangat sopan santun dan berbudi perkerti. Beliau dikatakan tinggal di sebuah alam ghaib yang bernama Gelong Batu Nakong dan telah berkahwin dengan panglima perang Iban iaitu Dewa Keling lalu berpindah ke sebuah tempat yang tergantung di antara langit dan dunia manusia iaitu Panggau Libau (Abang Entrey, 2019).



**Gambar 4:** Proses pembuatan artifak budaya masyarakat Iban (kerja lapangan, 2019)

Material dan pembuatan dalam artifak budaya masyarakat Iban dapat diperhatikan adalah bersifat bersifat ringkas dan menjadi kompleks. Ini adalah disebabkan awal penciptaan artifak budaya masyarakat Iban, fungsi dan tujuannya adalah fokus untuk memenuhi keperluan hidup masyarakat Iban. Keperluan hidup tersebut dapat dijelaskan dan dilihat dari aspek sosial, ekonomi dan politik masyarakat Iban. Contohnya seperti bertanam padi huma, bersosial, dan keupayaan untuk melindungi diri atau komuniti. Walau bagaimanapun, seiring dengan transisi waktu menjadikan penciptaan objek budaya Iban lebih kompleks dan progresif. Masyarakat Iban mempunyai

visi yang jelas tentang alam kehidupan dan pandangan tersebut telah diabstrakkan melalui idea tentang kosmologi Iban, hukum adat, pantang larang, dan kepercayaan. Selain itu juga, pengaruh transisi waktu telah membangunkan kemahiran intelektual masyarakat Iban untuk memodifikasi artifak budaya yang sedia ada agar menjadi lebih berfungsi dan kreatif dalam penghasilannya. Inovasi dan minda masyarakatnya menjadi lebih terbuka maka mereka mula menciptakan artifak budaya yang lebih indah dan kompleks dari segi ukiran dan bentuknya.

### **Estetika Seni dalam artifak budaya Iban**


Masyarakat Iban sering memerhatikan alam sekeliling lalu menghubungkan dengan konsep kosmologi dan kepercayaan tradisional dalam mencari dan mengembangkan idea untuk mengarap nilai kesenian dalam penciptaan artifak budaya mereka. Hubungan yang akrab di antara masyarakat Iban dengan alam sekitar membuahkan inspirasi untuk menghasilkan artifak budaya yang indah daripada bahan-bahan alam yang hidup berdekatan dengan habitat mereka. Berasaskan sumber inspirasi ini jugalah masyarakat Iban mencipta dan menghasilkan motif, corak dan pola yang pelbagai serta cantik sifatnya. Elemen-elemen seni yang diterapkan dalam penghasilan artifak budaya adalah berdasarkan kepada falsafah, bentuk serta corak yang dirasakan mempunyai estetika yang tinggi dalam budaya Iban. Elemen seni yang sangat menonjol dalam penciptaan artifak budaya Iban adalah motif. Melalui penyelidikan ini terdapat dua kategori motif yang dirasakan menonjol dalam penciptaan artifak adalah motif zoomorps dan *Anthropomorphic*.

Menurut Klinsing & Usop (2020) motif zoomorps (motif berunsurkan haiwan) adalah berkait rapat dengan kepercayaan masyarakat Iban terhadap kewujudan haiwan-haiwan sakral dalam kebudayaan mereka. Corak dan ragam hias haiwan-haiwan tersebut mempunyai makna dan maksud yang tersendiri dalam kebudayaan masyarakat Iban dalam menjadi penanda dan petanda. Corak serta simbol haiwan yang dipercayai oleh masyarakat Iban memiliki kuasa luar biasa mempunyai heriarki yang tersendiri, Heriarki tersebut adalah ditentukan oleh kekuatan dan kesakralan haiwan-haiwan tersebut dalam tradisi lisan yang diturunkan oleh masyarakat Iban. Beberapa contoh motif yang dapat dilihat dalam artifak Iban adalah seperti Naga, Nabau, Buaya dan Engkarong seperti pada Jadual 2.




**Jadual 2:** Motif zoomorps (Klinsing & Usop,2020)

Motif	Kategori	Penjelasan
Naga 	zoomorps	Simbol keberanian, kemakmuran dan panjang umur.
Nabau 	zoomorps	Nabau digambarkan sebagai makhluk Petara yang bertubuh ular, berkepala naga dengan mempunyai tujuh lubang hidung, bersisik dan bersaiz panjang serta besar. Simbol Nabau adalah membawa bencana seperti banjir besar dan memberikan tuah kepada masyarakat Iban. Selain itu, Nabau bersifat melindungi dan membawakan kesejahteraan.
Buaya 	zoomorps	Motif buaya adalah sebagai simbol keberanian dan kepahlawanan terutamanya bagi lelaki Iban yang turun melakukan ekspedisi Ngayau. Sifat buaya yang ganas dan mampu bertahan dalam kesusahan.
Engkarong	zoomor	Engkarong

 <i>Engkarong: lizard (skink)</i>	ps	adalah merujuk kepada sejenis cicak yang merupakan jelmaan tuhan tanah iaitu Sempulang Gana seorang dewa pertanian yang bertanggungjawab dalam menjaga kesuburan tanaman masyarakat Iban. Simboliknya adalah berkait dengan keharmonian, kesejahteraan dan panjang umur.
--	----	--

Manakala ikonografi motif *Anthropomorphic* adalah merupakan motif yang berbentuk figura. Dalam seni rupa masyarakat Iban, bentuk figura dapat dikenalpasti kepada dua elemen iaitu motif Mensia (manusia) dan Engkeramba (alam ghaib). Bentuk manusia adalah merupakan motif yang diadaptasi dari persekitaran dan gaya hidup seharian masyarakat Iban di rumah panjang, manakala motif alam ghaib yang disebut sebagai Engkeramba (hantu dan semangat) adalah merujuk kepada kuasa-kuasa luar biasa yang diceritakan dalam tradisi lisan Iban secara bergenerasi seperti jerita tuai (cerita rakyat), leka main (kesusasteraan lisan) dan pantang larang.

**Jadual 3:** Motif Anthropomorphic (Klinsing & Usop,2020)

Motif	Kategori	Penjelasan
Mensia 	Anthropomorphic	Motif figura adalah sebagai simbol kekuatan dan kebangkitan seseorang.

<p>Engkeramba</p> 	<p>Anthropomorphi c</p>	<p>Motif engkeramba adalah merujuk kepada motif hantu dan semangat yang diinspirasi dari cerita-cerita rakyat Iban serta kepercayaan mereka terhadap alam semulajadi yang menjadi penempatan mereka seperti hutan, sungai dan jenis-jenis haiwan.</p>
---	-----------------------------	---

Menurut informan Banggie Embol (56 tahun) motif Anthropomorphic dan zoomorps adalah motif yang hidup dan sakral. Penciptaan motif-motif ini hanya dilakukan oleh individu yang telah diiktiraf taraf kemahirannya dalam sosial masyarakat Iban. Sekiranya dilakukan oleh individu yang belum mencapai status mahir, maka roh yang terdapat dalam motif tersebut akan meminta nyawa mereka sebagai ganti. Selain itu, beliau menegaskan dalam penghasilan motif-motif sakral ini terdapat pantang larang yang harus diikuti iaitu penghasilan motif-motif figura yang melibatkan bentuk-bentuk menyerupai manusia adalah penuh dengan pantang larang dan *taboo*. Reka bentuk figura terutamanya bahagian wajah tidak seharusnya dihasilkan dengan sempurna dan menyerupai wajah manusia yang hidup. Perkara ini adalah bersangkut pahut dengan kepercayaan masyarakat Iban yang mengatakan bahawa sekiranya wajah figura tersebut ditenun dengan sempurna, maka pemilik atau penenun tersebut seakan-akan telah menyerahkan hayat hidupnya berserta dengan jiwanya kepada Pua Kumbu misalnya. Secara tidak langsung, jangka hayat penenun menjadi singkat dan *alah ayu* (pendek umur) kerana kalah dengan aura pua kumbu tersebut. Oleh sebab itulah, motif-motif figura yang memiliki wajah tidak akan direka dengan wajah yang realistik, bagi menghormati dan sebagai tanda mematuhi pantang

larang tersebut (Banggie Embol, 2019).

Selain itu, penghasilan motif-motif ini adalah diperolehi dari mimpi yang diberikan oleh Petara (tuhan), dewa-dewi atau Antu (roh). Menurut informan Mat Minggan (70 tahun) kewujudan mimpi dalam budaya dan amalan masyarakat Iban adalah berkait dengan perintah dan peringatan dari pada alam ghaib. Contohnya dalam pembuatan pua (tekstil tenun Iban), wanita Iban akan di datangi oleh dewi-dewi seperti Kumang dan Kelinah yang membawa perintah kepada mereka untuk menenun motif pua yang tinggi seperti motif Nabau (ular besar) atau motif naga. Perintah tersebut haruslah dilaksanakan dan dituruti bagi menjaga emosi kuasa-kuasa ghaib tersebut agar tidak mendatangkan bencana kepada masyarakat Iban di rumah panjang. Bagi masyarakat Iban yang di datangi oleh alam ghaib melalui mimpi selalunya dianggap bertuah dalam kepercayaan Iban, kerana mereka dipilih untuk diberi petanda atau pengarah (azimat) daripada Petara, dewa-dewi, antu, dan semangat. Masyarakat Iban yang sering di datangi oleh alam ghaib melalui mimpi akan digelar sebagai *mabu antu* (dekat dengan alam ghaib). Dikatakan, ilmu yang dimiliki oleh masyarakat Iban dahulu adalah diperolehi oleh mereka menerusi mimpi, khasnya kepakaran dalam mencipta artifak budaya sebagai budaya benda dalam kebudayaan Iban (Mat Minggan, 2019).

### Kepercayaan

Masyarakat Iban percaya bahawa status artifak budaya yang dihasilkan mampu membantu dan menolong pemiliknya sekiranya dijaga dan dipuja melalui amalan dan kepercayaan masyarakatnya. Menurut informan Kiyai Uri (67 tahun) dalam budaya Iban nilai kesakralan artifak adalah bergantung dengan tingkat motif yang dihasilkan sebagai elemen seni dalam artifak. Selalunya, motif-motif khusus yang didapati daripada pesanan alam ghaib melalui mimpi merupakan artifak yang dianggap sakral dan digunakan bagi tujuan ritual. Motif-motif yang diberikan oleh alam ghaib merupakan sebuah corak yang hidup dan bernyawa. Corak-corak ini haruslah selalu dipuja dan diberi persembahan makanan agar tidak lapar dan menjaga nilai kesakralannya (Kiyai Uri, 2019).

Menurut informan Lemambang Buja (85 tahun) Artifak budaya yang diciptakan oleh masyarakat Iban sangat cenderung dengan unsur-unsur mistik dan sakral. Masyarakat Iban tidak menciptakan sesebuah artifak tersebut secara sengaja atau tanpa mempunyai tujuan yang khusus tetapi berdasarkan kepada keperluan dan kepercayaan mereka yang mendasari kefahaman kosmologi Iban. Konsep penciptaan artifak

Iban masih berpaksikan kepada pandangan tradisional iaitu mereka mempercayai bahawa pemilikan artifak yang ada dalam kehidupan mereka pada hari ini adalah merupakan anugerah daripada Petara(tuhan) dan telah diamalkan oleh mereka sejak turun-temurun (*Lemambang Buja*, 2019).

Artifak budaya yang telah siap dihasilkan dan diidentifikasi sebagai objek yang sakral akan dipandang kepada seluruh penduduk di rumah panjang di ruai (ruang tengah yang dikongsi oleh seluruh penduduk rumah panjang), masyarakat Iban memahami bahawa setiap perkara yang baik harus dirayakan dengan melakukan pelaksanaan Gawai. Menurut informan Datuk Sri Edmmund Langgu (85 tahun), ritual atau disebut sebagai 'gawai' dalam Bahasa Iban adalah bermaksud untuk merayakan untuk pelbagai perkara seperti kemenangan, keberuntungan, memohon tuah dan menghindari malapetaka. Konsep Gawai dalam konteks kebudayaan Iban adalah dilakukan berdasarkan kepada tingginya status upacara yang hendak dirayakan. Perkara ini haruslah mendapatkan nasihat dan rujukan daripada para pakar budaya Iban seperti Lemambang dan Tuai Burung berkaitan dengan tempoh dan masa sambutan, pelaksanaan gawai dan pantang larang dalam menyambut gawai. Tujuan Gawai adalah untuk mengadakan sambutan kepada kewujudan artifak budaya tersebut dengan melakukan upacara miring. Selain itu, ritual ini bertujuan untuk memandangkan keindahan objek budaya tersebut dengan melagukan ayat-ayat pujian kepada tuhan, dewa-dewi dan roh nenek moyang atas pemberian kepandaian, idea dan keberanian hati untuk menghasilkan motif-motif yang indah dan berkuasa (Datuk Sri Edmmund Langgu, 2019).

Ritual Gawai sangat penting dalam kebudayaan masyarakat Iban sebagai tanda mengalu-alukan kewujudan artifak budaya yang membawa perkara-perkara yang baik ke dalam rumah. Contohnya, semasa mengadakan Gawai kenyalang iaitu upacara Gawai yang paling tinggi dalam kebudayaan Iban bagi tujuan melaksanakan perintah dari alam ghaib serta mengharuskan individu yang dipilih melalui mimpi untuk mencipta sebuah ukiran patung burung kenyalang. Patung kenyalang yang telah siap di ukir akan diarakkan di rumah panjang dan masuk ke setiap bilik secara bergiliran beberapa hari. Setiap bilik yang dimasuki oleh patung kenyalang tersebut akan memberikan duit lalu disertakan dengan ayam, bersa dan beberapa keperluan lain untuk membantu individu yang melaksanakan Gawai Kenyalang. Tujuannya adalah untuk meminta keberkatan dan perlindungan dari pada Dewa Sengalang Burung iaitu ketua panglima

perang di alam ghaib. Pesta Gawai Kenyalang ini akan dilakukan selama tujuh hari tujuh malam sehinggalah patung kenyalang ini akan dilekatkan di tiang sandung bagi menjaga kawasan dan sekitar rumah panjang daripada nasib buruk yang dibawa oleh Antu. Menurut kepercayaan Iban, semua yang hadir ke pesta Gawai Kenyalang bukan hanya dalam kalangan manusia sahaja, tetapi roh seperti hantu turut sama-sama berkunjung untuk berpesta. Jadi untuk mengelakan hantu yang datang mengganggu manusia, maka acara sabung ayam akan dilakukan oleh penduduk kampung namun tidak melibatkan pertaruhan wang ringgit, tetapi hanya bersifat hiburan semata-mata.

## Kesimpulan

Secara kesimpulannya, alam secara dominan telah mempengaruhi kebudayaan dan amalan masyarakat Iban tradisional terutamanya dalam aspek penciptaan artifak budaya mereka. Hasil penyelidikan ini jelas menyatakan bahawa pengaruh alam terhadap artifak kebudayaan Iban dapat diperhatikan dalam tiga elemen yang telah dinyatakan oleh penyelidik seperti pada rajah 1 iaitu dari aspek material dan pembuatan, estetika seni pada objek budaya dan kepercayaan mereka terhadap kuasa-kuasa ghaib yang mendiami alam. Oleh itu, melalui penyelidikan ini diharapkan akan membantu dalam mengembangkan ilmu-ilmu budaya mengenai masyarakat peribumi di Sarawak khususnya masyarakat Iban dalam memberikan kefahaman mengenai artifak budaya yang diwarisi sebagai warisan dan harta pusaka.

## Rujukan

- Anderson, J. (2021). *Understanding cultural geography: Places and traces*. Routledge.
- Appell, G. N. (2001). Iban Studies: their contribution to social theory and the ethnography of other Borneo societies. *The encyclopedia of Iban Studies: Iban history, society and culture*, 741-785.
- Arifin, A. (2015). Traditional Malay Pottery of Kuala Kangsar: Its History and Development. *Kajian Malaysia: Journal of Malaysian Studies*, 33.
- Armbruster, K., & Wallace, K. R. (Eds.). (2001). *Beyond nature writing: expanding the boundaries of ecocriticism*. University of Virginia Press.
- Asri, A., & Tugang, N. (2020). Parang Ilang Sebagai Interpretasi Falsafah Alam Takambang Jadi Guru Dalam Budaya Masyarakat Iban. *Asian People Journal (Apj)*, 3(1), 1-18. <https://doi.org/10.37231/apj.2020.3.1.118>

- Beginda, P., & Bala, B. (2018). Pengaruh Demografi terhadap Perubahan Sosio-Politik Orang Iban di Sarawak. *SUSURGALUR*, 6(1).
- Brown, H. D. (2000). Principles of language learning and teaching (Vol. 4). New York: Longman.
- Buss, D. M. (2009). The great struggles of life: Darwin and the emergence of evolutionary psychology. *American psychologist*, 64(2), 140.
- Cotterrell, R. (2017). Law, culture and society: Legal ideas in the mirror of social theory. Routledge.
- Dant, T. (2007). Material culture. *The Blackwell Encyclopedia of Sociology*.
- Foster, G. M. (1962). Traditional cultures: and the impact of technological change. *Traditional cultures: and the impact of technological change*. New York: Longman
- Fleming, E. M. (1974). Artifact study: A proposed model. *Winterthur Portfolio*, 9, 153-173.
- Gerritsen, A., & Riello, G. (Eds.). (2021). Writing material culture history. Bloomsbury Publishing.
- Halbwachs, M. (2020). On collective memory. University of Chicago Press.
- Habermas, J. (2001). The liberating power of symbol: philosophical essays (P. Dews, Trans.) Cambridge, UK: Polity Press.
- Hasanuddin, W. S. (2015). Kearifan lokal dalam tradisi lisan kepercayaan rakyat ungkapan larangan tentang kehamilan, masa bayi, dan kanak-kanak masyarakat Minangkabau wilayah adat luhak nan tigo. *KEMBARA: Jurnal Keilmuan Bahasa, Sastra, dan Pengajarannya (e-Journal)*, 1(2), 198-204.  
<https://doi.org/10.22219/kembara.v1i2.2615>
- Hole, F., Heizer, R. F., & Yaacob, S. (1990). Arkeologi prasejarah: satu pengenalan ringkas. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Jais, A.W. and Abdul Rashid, A.A. (2007) Artifak Peradaban Melayu dalam koleksi Muzium Seni Asia Universiti Malaya: Usaha mewujudkan inventori budaya / Abd. Wahid Jais. In: *Persidangan Antarabangsa Peradaban Melayu III*.
- King, V. T. (2017). Identities in Borneo: Constructions and Transformations. In *Borneo studies in history, society and culture* (pp. 177-207). Springer, Singapore.
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2020). Artifak Budaya Masyarakat Iban: Warisan Dan Pusaka: Cultural Artefacts Of The Iban: Heritage And Heirloom. *Jurnal Kinabalu*, 59-59.  
<https://jurcon.ums.edu.my/ojums/index.php/cjk/article/view/2261>
- Kiyai, G., & Tugang, N. (2020). Penelitian Koleksi Aksesori Perak Ngepan Indu “Biah Anak Anji” Dalam Konteks Budaya Benda Masyarakat Iban. *Asian People Journal (APJ)*, 3(2), 169-180.
- Kiyai, G., Tugang, N., & Seer, O. (2020). Ngajat Iban: A Cultural Study. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 8(2), 70-83.
- King, V. T. (2017). Borneo and Beyond: Reflections on Borneo Studies, Anthropology and the Social Sciences. In *Borneo Studies in History, Society and Culture* (pp. 79-124). Springer, Singapore.
- Klinsing, J., & Usop, C. (2020). The Iban’s Community perceptions of Pua Sungkit Weaving at Batang Ai. *KUPAS SENI: Jurnal Seni Dan Pendidikan Seni*, 8(2), 21-43.
- Koentjaraningrat. (1975). Introduction to the Peoples and Cultures of Indonesia and Malaysia. Menlo Park, Calif.: Cummings Publishing Company.
- Liow, J. C. (2004). The politics of Indonesia-Malaysia relations: One kin, two nations (Vol. 2). Routledge.
- Linton, S. (1998). Claiming disability: Knowledge and identity. NYU Press.
- Li, V. (2016). The neo-primitivist turn. University of Toronto Press.
- Osup, C. A. (2019). The oral literature of the Iban in Borneo. *Muallim Journal of Social Sciences and Humanities*, 132-140.
- Pearce, S. (2017). Museums, objects, and collections: A cultural study. Smithsonian Institution.
- Postill, J. (2017). Remote ethnography: studying culture from afar. In *The Routledge companion to digital ethnography* (pp. 87-95). Routledge.
- Sandin, B., & Sather, C. (1994). Sources of Iban traditional history. *Sarawak museum journal*, 46(67).
- Sellato, B. (2017). Material Culture Studies and Ethnocultural Identity. In *Borneo Studies in History, Society and Culture* (pp. 57-78). Springer, Singapore.
- Shakespeare, T. (2013). Disability rights and wrongs revisited. Routledge.
- Simonson, T. S., Xing, J., Barrett, R., Jerah, E., Loa, P., Zhang, & Mowry, B. (2011). Ancestry of the Iban is predominantly Southeast Asian: genetic evidence from autosomal, mitochondrial, and Y chromosomes. *PloS one*, 6(1), e16338.
- Storey, J. (2018). Cultural theory and popular culture: An introduction. Routledge
- Sutlive Jr, V. H. (1992). *Tun Jugah of Sarawak: Colonialism and Iban Response*, Kuala Lumpur: Fajar Bakti SDN.
- Sunarti, L. (2019). Local Entrepreneurs of Makassar Fishermen: Pengusaha Lokal Nelayan Makassar. *Malindo-Journal of Malaysian and Indonesian Studies*, 1(1), 31-40.

- Taufik, L. M. (2019). Teori Evolusi Darwin: Dulu, Kini, Dan Nanti. *Jurnal Filsafat Indonesia*, 2(3), 98-102.
- Tillotson, D. M. (1994). Who invented the Dayaks? historical case studies in art, material culture and ethnic identity from Borneo.
- Tuan, Y. F. (1980). The significance of the artifact. *Geographical review*, 462-472.
- Tugang, N. (2011). *Tembikar dalam budaya Iban di Sarawak*. Universiti Malaysia Sarawak.
- Zapf, H. (2016). *Literature as cultural ecology: Sustainable texts*. Bloomsbury Publishing.

### **INFORMAN**

- Abang Entrey (pendeta dan pakar budaya Iban) telah ditemubual pada 5 Ogos 2019
- Banggie Embol (Wanita pakar menenun Pua Iban) telah ditemubual pada 25 September 2019
- Datuk Sri Edmmund Langgu (tokoh politik Iban dan pakar budaya Iban) telah ditemubual pada 10 Julai 2019
- Gabi Uri (tetua Iban) telah ditemubual pada 10 Mei 2019
- Kiyai Uri (tetua Iban) telah ditemubual pada 10 Mei 2019
- Lemambang Buja (pendeta dan tetua Iban) telah ditemubual pada 10 Mei 2019
- Mat Minggan (tetua Iban) telah ditemubual pada 10 Mei 2019
- Seli Akun (tetua Iban) telah ditemubual pada 10 Mei 2019